

11/05/1999

Ahli tidak perlu terpengaruh seruan pihak lain

Sapawi Ismail

PANDANGAN Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak bahawa tidak ada pihak lebih berhak untuk melaungkan slogan reformasi, kecuali Umno begitu tepat sekali.

Ahli Umno sepatutnya tidak terpengaruh terhadap arah seruan reformasi daripada pihak lain, khususnya Parti Keadilan Nasional (KeADILan) dan Pas.

Ini kerana Ummolah yang memulakan gerakan ini sekian lama dan mempertahankannya hingga kini.

Ahli Umno perlu ingat sejak lebih 50 tahun lalu, Ummolah yang memperjuangkan dan menegakkan reformasi di negara ini. Berasaskan kepada reformasi Ummolah, kedudukan orang Melayu dan Islam berada pada tempatnya seperti hari ini.

Orang Melayu perlu menyahut ajakan Najib bahawa 'Umno ialah satu-satunya parti yang memperjuangkan nasib orang Melayu dan tidak ada parti lain. Oleh itu, ia mesti dipertahankan hingga ke titisan darah terakhir', tepat dan bersesuaian dengan gerakan reformasi Umno.

Seperti kata Najib ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Johor Bahru baru-baru ini, sejak berkuasa lebih 40 tahun lalu, Umno adalah parti yang menjaga kepentingan orang Melayu sebenar.

Orang Melayu khususnya Umno sepatutnya meneliti sejarah dan sumbangan Umno sebelum 'berniat mengalih cara perjuangan' dan 'membelakangkan' perjuangan Umno.

Tanyalah kembali diri sendiri beberapa persoalan ini:

- \* Siapa yang menentang Malayan Union?
- \* Siapa yang memperjuangkan semangat hidup Melayu?
- \* Siapa yang memperjuangkan kemerdekaan pada 31 Ogos?
- \* Siapa yang memperkenalkan rancangan pembangunan luar bandar selepas merdeka?
- \* Siapa yang berjaya menumpaskan konfrontasi dengan Indonesia?
- \* Siapa yang menentang dan mempertahankan serangan PAP ketika krisis dengan Singapura pada 1965.
- \* Siapa yang berjuang dan mempertahankan Bahasa Melayu?
- \* Siapa yang mempertahankan hak kerakyatan?
- \* Siapa yang mempertahankan kesucian agama Islam?
- \* Siapa yang mengembalikan keamanan selepas krisis 13 Mei 1969?
- \* Siapa yang memperkenalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan?
- \* Siapa yang melaksanakan Dasar Ekonomi Baru 1971-1990?
- \* Siapa yang membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat?
- \* Siapa yang menubuhkan Felda, Felcra serta Perbadanan Ekonomi Negeri?
- \* Siapa yang mencipta kelas menengah Melayu dan peniaga serta ahli korporat Melayu?
- \* Siapa yang memperjuangkan 'Malaysia Boleh' yang menjadikan Malaysia negara maju?
- \* Dan yang paling penting, siapa yang membawa keamanan, kestabilan dan semangat tolak ansur untuk hidup secara damai di bumi Malaysia yang didiami pelbagai kaum?
- \* Apakah Umno pernah mengajak orang Melayu jangan bekerjasama dengan rakyat bukan Melayu dan menolak kebebasan beragama di negara ini?
- \* Apakah Umno memaksa rakyat bukan Melayu supaya menerima budaya Melayu dan menganut agama Islam sejak Umno mendapat kuasa tampuk pemerintahan sejak 1957?
- \* Apakah Umno menyekat kebebasan orang bukan Melayu dan orang asing

untuk sama-sama mencari rezeki di negara ini?

Persoalan ini jika dijawab dengan penuh kesedaran dan bertanggungjawab akan menyedarkan orang Melayu dan rakyat Malaysia bahawa perjuangan Umno bukan orang Melayu saja tetapi untuk semua kaum.

Kita mungkin sudah lupa Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyebut pada 1997 bahawa 'Umno Gerakan Reformasi Yang Berkesan'.

Dalam ucapan di Perhimpunan Agung Umno tahun itu, Dr Mahathir berkata: "Umno adalah suatu gerakan reformasi atau gerakan pembaharuan bangsa Melayu dan Bumiputera yang lebih mampu dan berkesan daripada mana-mana gerakan reformasi yang lain".

Bukan sekadar ahli biasa Umno saja yang bersetuju dengan ucapan Perdana Menteri, malah Pergerakan Pemuda Umno turut menyetujui hakikat ini.

Jadi, tidaklah betul sekiranya kumpulan lain, khususnya KeADILan dan Pas mendakwa mereka mempelopori reformasi di Malaysia. Apa lagi reformasi yang mereka perjuangkan adalah terkemudian daripada Umno dan yang disebut oleh Dr Mahathir sendiri.

Malah, Dr Mahathir memberi amaran: "Jika Umno gagal membawa reformasi ini, maka bangsa kita, Melayu terutamanya bersama Bumiputera lain akan kembali dihina dan diperhambakan".

Malah reformasi dan pembaharuan yang dilakukan Umno selama ini bukan menguntungkan segelintir pihak tetapi membawa faedah hingga ke peringkat akar umbi masyarakat dan semua kaum.

Oleh itu, adalah penting anggota Umno memperkukuhkan perpaduan parti dan berjuang untuk menentukan Umno dapat terus dipertahan dan bukan untuk diperkudakan.

Sebagai rakyat biasa, Ummolah yang menyemai kepercayaan bahawa orang Melayu mampu mentadbir negara sendiri yang merdeka.

Sebelum merdeka, ketika parti-parti Melayu lain tidak yakin orang Melayu boleh memerintah negara sendiri, Umno dapat meyakinkan majoriti orang Melayu mengenai kemampuan mereka.

Malah hari ini, ketika parti-parti lain tidak yakin Umno mampu memulihkan ekonomi dan membawa negara ke mercu kejayaan seperti diharapkan, Umno terus berjuang untuk melangkah ke alaf baru.

Dengan penuh keyakinan, Umno terus membentuk budaya Melayu baru melalui gerakan reformasinya yang sesuai sepanjang zaman, agar keyakinan terhadap 'Boleh' terus diperkukuhkan pada abad akan datang.

(END)